

# Tambah dana percepat projek LRT di Pulau Pinang

**Bukit Mertajam:** Kerajaan ber-setuju menambah dana dalam satu skim besar kepada Kerajaan Pulau Pinang bagi membolehkan projek Transit Aliran Ringan (LRT) segera dilaksanakan di negeri itu.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, ketika mengumumkan perkara itu berkata, Pulau Pinang berdepan kesesakan lalu lintas yang keterlaluan sejak sekian lama dan amat memerlukan LRT untuk mengatasi permasalahan berkenaan.

Katanya, satu pertemuan dengan kerajaan negeri akan diadakan dalam tempoh antara satu hingga dua minggu lagi bagi membincangkan skim pelaksanaan projek terbabit.

"Semalam (kelmarin) saya ada perjumpaan dengan Ketua Setiausaha Perbendaharaan dan pegawai kewangan untuk mencari kaedah yang baik (dana un-

tuk Kerajaan Pulau Pinang melaksanakan LRT).

"Jadi, dalam tempoh satu ke dua minggu ini, kita akan mengadakan pertemuan dengan Kerajaan Pulau Pinang untuk mengadakan skim yang benar-benar cukup kerana peruntukan (projek LRT) agak besar termasuk pinjaman yang memerlukan campur tangan Kerajaan Persekutuan dapat disegerakan.

"Kesesakan di Pulau Pinang amat keterlaluan. Kita ada LRT, MRT (Perkhidmatan Aliran Transit Massa) dan pelbagai monorel di Lembah Klang. Jadi, kenapa tak boleh dialihkan ke satu kota kedua terbesar di negara kita, iaitu di Pulau Pinang," katanya.

Anwar berkata demikian ketika berucap pada Majlis Rumah Terbuka Aidilfitri Malaysia MADANI di Universiti Teknologi MARA (UiTM) Pulau Pinang di

Permatang Pauh, di sini, semalam yang mendapat sambutan lebih 20,000 pengunjung.

## Usaha reda pelbagai isu

Anwar berkata, pengumuman dibuatnya juga dalam usaha meredakan pelbagai isu kontroversi yang melanda pentadbirannya termasuk berkaitan Projek Tambak Laut Selatan Pulau Pinang (PSI).

Katanya, beliau percaya kepimpinan negeri di bawah Ketua Menteri, Chow Kon Yeow mengambil pelbagai langkah untuk memberi jaminan kepada semua pihak berhubung isu berbangkit.

"Saya dengar keluhan ini (projek PSI) dan ia tidak semuanya benar kerana Ketua Menteri dan pimpinan negeri sudah mengambil Semua langkah untuk memberi jaminan kepada nelayan, termasuk permasalahan hakisan, pembangunan semula

perkampungan Melayu di beberapa tempat dan kawasan majoriti India serta juga Gertak Sanggul yang majoriti Cina.

"Tetapi alasan dan rasional terpenting ialah Kerajaan Persekutuan dalam beberapa tahun kebelakangan ini tidak memberi dana yang cukup terutama untuk pembangunan infrastruktur yang mendesak di Pulau Pinang," katanya.

Sementara itu, Anwar berkata, 8.6 juta penerima Sumbangan Tunai Rahmah (STR) di seluruh negara membatik peruntukan RM8 bilion dan 460,000 daripadanya warga Pulau Pinang dengan peruntukan RM85.8 juta.

Beliau berkata, sumbangan itu dapat diteruskan kerajaan kini yang menjaga amanah dan tatakelola dalam pentadbiran pengurusan negara.

"Jangan ambil kesempatan saku dan curi, jaga dana amanah

ini kerana kita bertanggungjawab kepada Allah SWT.

"Ini bukan akauntibiliti awam untuk orang dengar bagi menang Pilihan Raya Negeri (PRN) dan Pilihan Raya Umum (PRU) tetapi tanggungjawab pemimpin kepada Allah," katanya.

Anwar berkata, sepanjang enam bulan mentadbir kerajaan, beliau bersama pimpinannya tidak pernah mengambil sebarang hak rakyat.

"Satu kontrak, balak, satu inci tanah pun saya tidak ambil dan saya tidak izinkan mana-mana pemimpin Kerajaan Perpaduan ambil dan ini rekod sejarah kita.

"Peruntukan program Islam untuk maahad tahfiz dan sekolah agama ditambah. Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) meluluskan peruntukan RM1.5 bilion, manakala sekolah agama pula babitkan peruntukan RM160 juta," katanya.